

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
TRANSFORMASI PENGURUSAN RUANG**

1.0 PENGENALAN BAHAGIAN

Bahagian Pembangunan merupakan sebahagian daripada organisasi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Bahagian ini bertanggungjawab untuk membangunkan prasarana Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah dirancang mengikut piawaian yang telah ditetapkan dengan menggunakan peruntukan kewangan yang telah diagihkan dengan cara yang optima, efektif dan berkesan.

Bahagian Pembangunan juga bertanggungjawab untuk memastikan setiap IPTA mempunyai ruang dan peralatan yang mencukupi untuk beroperasi. Selain daripada itu, Bahagian Pembangunan juga merancang pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun dan juga melaksanakan pemantauan terhadap projek-projek berkenaan.

2.0 INOVASI YANG DIPERKENALKAN

Inovasi yang diperkenalkan oleh Bahagian Pembangunan adalah Audit Fasilitas. Audit Fasilitas merupakan satu bentuk penilaian yang dilaksanakan terhadap keadaan fizikal dan kebolegunaan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sebuah organisasi. Oleh kerana audit fasilitas yang akan dilaksanakan akan tertumpu kepada penggunaan ruang di Institusi Pengajian Tinggi Awam, maka istilah yang akan digunakan adalah **Audit Ruang**.

Ruang merupakan satu bentuk sumber fizikal utama dan kerap kali melibat kos yang tinggi. Walaupun ia tidak dapat dilihat secara fizikal, ruang merupakan aset yang perlu diurus secara efisien bagi membantu sebuah organisasi dalam pengurusan perbelanjaan yang optimum serta efektif. Jika pengurusan ruang tidak diberikan perhatian yang serius, ia akan menyumbang kepada bebanan organisasi itu sendiri, seterusnya memberi impak negatif kepada organisasi tersebut.

Ruang merupakan sumber aset universiti yang merupakan penyumbang fizikal utama kepada kepentingan sebuah universiti. Terdapat pelbagai kategori ruang seperti ruang pengajaran dan pembelajaran (contohnya seperti ruang kuliah, ruang makmal), ruang pentadbiran dan ruang kolej. Terdapat 86 IPTA (universiti, politeknik dan kolej komuniti) di bawah kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Dianggarkan perbelanjaan tahunan IPTA yang perlu ditanggung oleh KPTM melebihi

RM2 bilion. Oleh itu ruang sebagai satu sumber fizikal hendaklah diurus secara mahir dan efisien bagi membantu kerajaan dalam pengurusan perbelanjaan yang optimum serta efektif selaras dengan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Pengurusan ruang yang optimum juga dapat membantu pelaksanaan dan pencapaian matlamat penubuhan universiti selaras dengan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan serta tuntutan masyarakat dan *stakeholder* tentang fungsi IPTA sebagai pusat ilmu dan pemangkin ekonomi. Jika ruang sebagai satu sumber aset tidak diurus dengan sewajarnya secara efektif dan berkesan maka ia akan menyumbang kepada bebanan pengurusan organisasi itu sendiri dan dalam pengurusan jangka masa panjang akan memberi impak negatif kepada kerajaan. Transformasi cara penggunaan ruang secara lebih optimum dan efektif dapat ditingkatkan dengan pelaksanaan Audit Ruang.

Audit Ruang ini dilaksanakan untuk menilai jumlah ruang sedia ada di IPTA serta untuk mewujudkan senarai lengkap mengenai keseluruhan jumlah ruang. Data mengenai ruang sedia ada akan membantu dalam perancangan yang lebih teratur dan strategik dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Secara prinsipnya pelaksanaan inovasi Audit Ruang ini boleh diibaratkan seperti permohonan untuk pengisian perjawatan. Pengisian perjawatan memerlukan data bagi memberikan jumlah sebenar jawatan yang diperlukan dan sedia ada. Dengan adanya data ini, ia dapat digunakan sebagai panduan apabila permohonan diterima untuk perjawatan baru, sama

ada jawatan tersebut benar-benar diperlukan atau sebaliknya. Audit Ruang dapat membantu dalam menentukan jumlah ruang sedia ada dan data tersebut dapat digunakan untuk menganalisa sama ada ruang sedia ada digunakan secara optimum atau sebaliknya.

Audit Ruang akan membantu untuk mengetahui ruang-ruang yang sedia ada, sama ada ruang tersebut digunakan secara optimum, mengenalpasti sama ada terdapat keperluan untuk membuat penambahan atau pengurangan ruang dan membantu dalam aspek penggunaan ruang secara lebih efisien. Ia juga akan menyumbang kepada penjimatan dari aspek kewangan.

Satu aspek penambahbaikan yang akan dilakukan seiring dengan pelaksanaan inovasi Audit Ruang ini adalah penyelarasan penggunaan ruang sedia ada dengan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini dilakukan untuk mengetahui sama ada ruang yang sedia ada digunakan secara optimum dengan mengambil kira kekerapan kegunaan sesebuah ruang tersebut.

2.1 Objektif

- a. Memastikan pengurusan ruang terutamanya ruang Pengajaran & Pembelajaran (P&P) di setiap IPTA dapat dipantau serta diuruskan dengan lebih efisien selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dimana seluruh ruang P&P dapat digunakan secara optimum;
- b. Mengelakkan pembaziran ruang P&P dimana ianya akan dapat membantu Kerajaan dalam melaksanakan perancangan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
- c. Membantu pihak KPTM dalam menilai dan meluluskan projek-projek pembangunan IPTA dan dapat memberi panduan secara terperinci dalam menentukan agihan peruntukan pembangunan; dan
- d. Mewujudkan sumber pangkalan data yang komprehensif mengenai ruang sedia ada sebagai panduan perancangan masa hadapan.

2.2 Tempoh Pelaksanaan

Pengauditan Ruang merupakan satu konsep yang perlu diimplimentasikan di semua institusi di bawah penyeliaan KPT. Oleh kerana, konsep inovasi audit ruang ini merupakan sebuah konsep yang baru dipelopori di KPT, maka pelaksanaannya akan dilaksanakan secara berfasa. Dalam usaha menuju ke pelaksanaan audit ruang yang lebih komprehensif, tempoh pelaksanaan untuk inovasi pada peringkat permulaan adalah selama empat (4) bulan. Inovasi ini akan dilaksanakan secara proses percubaan terlebih dahulu.

2.3 Lokasi

Institusi-institusi yang dipilih untuk menyertai inovasi pelaksanaan audit ruang pada peringkat percubaan ini adalah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTem). Perancangan jangka masa panjang adalah supaya pengurusan ruang yang lebih holistik akan diimplimentasikan di semua IPTA.

3.0 KEDUDUKAN SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN

Ruang merupakan satu konsep penting yang sering kali tidak diberikan perhatian yang mendalam. Kerap kali terdapat rungutan bahawa ruang sedia ada yang disediakan adalah tidak mencukupi, tidak sesuai digunakan dan tidak dapat menampung jenis permintaan yang diperlukan. Ruang merupakan aset paling besar yang dimiliki oleh sesebuah institusi dan mewakili sebahagian besar daripada kos yang perlu ditanggung.

Setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) pihak kerajaan telah memperuntukkan sumber kewangan yang besar dalam penyediaan prasarana bagi kemudahan pelajar di IPTA. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, sebanyak RM 13 bilion telah diperuntukkan untuk siling projek-projek pembangunan baru. Jumlah ini akan semakin bertambah di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Peruntukkan pembangunan yang perlu disediakan semakin meningkat pada setiap tahun. Dalam jangka masa panjang ia akan menjadi satu kewajipan kewangan yang akan menghalang penggunaan sumber-sumber awam yang sedia ada secara cekap.

Sebelum inisiatif inovasi audit ruang dilaksanakan tidak terdapat satu rekod ruang yang lengkap dan menyeluruh. Kebanyakan institusi mengambil inisiatif untuk melakukan pengukuran ruang yang dimiliki oleh mereka. Namun oleh kerana perkara ini merupakan satu usaha yang memakan jangka masa yang lama dan memerlukan penggunaan sumber manusia serta kos peruntukan yang tinggi, maka usaha

pengukuran ruang ini sering kali diketepikan. Perhatian diberikan kepada perkara-perkara lain. Oleh yang demikian wujudnya satu keadaan di mana rekod ruang yang lengkap tidak dapat dikumpul.

Tiada satu mekanisme yang boleh digunakan untuk menentukan jika ruang sedia ada yang terdapat sekarang memenuhi keperluan serta permintaan penggunaan atau sebaliknya. Namun permohonan untuk projek-projek pembangunan baru semakin bertambah. Keadaan ini akan membawa kepada dua kesimpulan. Pertama sama ada ruang sedia ada tidak mencukupi ataupun kedua, ruang sedia ada tidak digunakan secara optimum.

Secara lazimnya akan terdapat ruang yang digunakan secara berlebihan dan akan terdapat ruang yang kurang digunakan. Ini adalah kerana tidak ada satu bentuk inovasi yang dilaksanakan untuk memantau kapasiti penggunaan ruang dengan jadual waktu. Perkara ini terjadi kerana tidak terdapat data yang boleh menunjukkan penggunaan sesebuah ruang yang efisien.

Pada masa sekarang data ruang yang terdapat di sesebuah organisasi tidak diintegrasikan secara sepenuhnya di organisasi tersebut. Maklumat yang ada tidak dikongsi dan disebarkan kepada bahagian-bahagian lain untuk membantu dalam membuat perancangan. Sebagai contoh, apabila membuat perancangan jadual waktu, sebuah fakulti akan membuat jadualnya sendiri tanpa membuat perbandingan

mengenai ruang yang boleh digunakan secara bersama. Ini membawa kepada situasi di mana wujudnya kekurangan ruang atau pun ruang tersebut langsung tidak digunakan.

4.0 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN

4.1 Tiada Rekod

Ruang merupakan satu bentuk aset tidak alih yang terbesar bagi sesebuah organisasi. Penggunaan ruang secara optimum dapat membantu dan memudahkan cara pengoperasian sesebuah institusi. Akan tetapi keadaan pengoperasian yang efisien dan efektif akan terganggu kerana tidak terdapatnya rekod mengenai ruang sedia ada. Pada masa sekarang tiada data yang lengkap mengenai ruang yang sedia ada. Data yang wujud tidak dikemaskini untuk menunjukkan sebarang perubahan yang berlaku.

4.2 Tiada Pemadanan

Pada masa sekarang penggunaan ruang tidak diselaraskan dengan jadual waktu pembelajaran. Oleh yang demikian perancangan penggunaan ruang yang rapi tidak boleh dilaksanakan. Ini membawa kepada keadaan dimana timbulnya isu kekurangan ruang.

4.3 Peruntukan Kewangan

Ruang merupakan satu bentuk aset yang perlu diselenggara. Jika wujudnya keadaan di mana satu kawasan ruang memerlukan kos penyelenggaraan yang lebih dan satu kawasan ruang yang langsung tidak digunakan, maka timbulnya kesukaran untuk menentukan kos penyelenggaraan sesuatu ruang tersebut.

Selain daripada itu, kos pembinaan untuk projek-projek pembangunan yang baru semakin meningkat. Namun terdapatnya kemungkinan bahawa kos pembinaan ini dapat dikurangkan dengan cara penggunaan ruang yang lebih efektif dan efisien.

4.4 Tidak Fleksibel

Permohonan ruang baru dilakukan dengan andaian bahawa ruang sedia ada tidak mencukupi. Namun tidak ada audit dilaksanakan untuk menentukan kapasiti penggunaan ruang tersebut. Ini menyebabkan lebih banyak permohonan ruang baru yang dikemukakan tanpa mengambil kira kegunaan keluasan ruang yang sedia ada. Tidak wujudnya satu mekanisme untuk menunjukkan cara sesuatu ruang tersebut boleh digunakan secara maksimum untuk mengelakkan sebarang pembaziran.

4.5 Tiada Penanda Aras

Tiada penanda aras yang wujud untuk menyatakan sama ada ruang sedia ada mencukupi atau sebaliknya. Oleh yang demikian perbandingan tidak dapat dilakukan untuk menentukan jumlah ruang yang boleh dikatakan mencukupi.




Gambar 1 :Bilik Pensyarah dijadikan stor (aeroangkasa)



Gambar 2 :Bilik serbaguna dijadikan stor (mekanik)



Gambar 3 :Bilik tutorial dijadikan bilik post-graduate (mekanik)



Gambar 4 :Sistem penomboran yang tidak seragam

5.0 FAEDAH-FAEDAH PELAKSANAAN INOVASI

5.1 **Kreativiti**

Konsep Audit Ruang ini merupakan satu idea yang telah lama dilaksanakan dipelbagai negara. Antara negara-negara yang mengaplikasikan pengurusan ruang adalah Amerika Syarikat, Australia, dan Britain. Setiap negara perlu membuat adaptasi terhadap konsep ini untuk bersesuaian dengan keperluan masing-masing.

Inovasi Audit Ruang yang dilaksanakan ini merupakan satu penambahbaikan kepada idea yang sedia ada. Pelaksanaan Audit Ruang secara sepenuhnya akan membawa kepada wujudnya satu senarai inventori ruang yang lengkap dan komprehensif.

5.2 **Tahap Pelaksanaan**

Audit Ruang merupakan satu aktiviti bagi perancangan jangka panjang. Sebagai langkah permulaan satu kajian rintis (*Pilot Project*) dilaksanakan di tiga (3) kampus IPTA terpilih sebagai percubaan terlebih dahulu. Pendekatan ini diambil sebagai langkah pergerakan menuju ke arah memastikan aktiviti pengauditan ruang ini dapat dilakukan secara menyeluruh disetiap kampus universiti yang ada.

5.3 **Replikabiliti**

Pelaksanaan inovasi Audit Ruang ini dilakukan berdasarkan kepada Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan, Unit Perancang Ekonomi(EPU), Jabatan Perdana Menteri. Data audit ruang dikumpul dengan melakukan pengukuran secara fizikal keatas semua jenis ruang yang wujud di sesebuah institusi. Pengukuran ruang dan mengkatalogkan ruang tersebut dapat dilakukan dengan cara yang sama. Pengumpulan data bagi audit ruang boleh direplika dan digunapakai di semua inistitusi dimana audit ruang dilaksanakan.

5.4 Efisien

5.4.1 Penjimatan Masa

Penggunaan ruang secara optimum dapat dilaksanakan menerusi data yang diperolehi. Penjadualan penggunaan ruang sedia ada dapat dilakukan dengan lebih teratur dan lebih cepat kerana wujudnya pangkalan data berhubung dengan jumlah ruang yang ada.

5.4.2 Penjimatan Kos

Data audit ruang dapat digunakan untuk menentukan sama ada jumlah ruang sedia ada mencukupi atau sebaliknya serta sama ada ruang tersebut digunakan secara optimum. Penjimatan kos dapat dilakukan apabila membuat perancangan projek-projek pembangunan baru dan apabila hendak membuat penyewaan

bangunan. Antara penjimatan kos yang dapat dikenalpasti adalah penjimatan dari segi kos penyelenggaraan dan kos pembinaan bangunan-bangunan baru.

5.4.3 Peningkatan Produktiviti

Produktiviti dapat ditingkatkan dalam dua bentuk. Pertama secara sumber manusia. Data ruang yang lengkap dapat membantu menentukan kapasiti penggunaan sesuatu ruang. Penggunaan ruang yang efisien dapat dijadikan sebagai alat pengukur apabila perlu penetapansama ada sumber manusia untuk kapasiti ruang sedia ada mencukupi atau sebaliknya. Pelaksanaan Audit Ruang akan membawa kepada transformasi terhadap pendekatan yang digunakan semasa membuat perancangan pembangunan di masa hadapan.

Kedua daripada hasil atau kapasiti penggunaan ruang tersebut. Sebagai contoh jika data audit ruang mengenalpasti yang sebuah bilik kuliah dapat menampung 50 orang pelajar dan dapat digunakan sebanyak 5 kali dalam sehari, maka jadual perancangan yang sesuai dapat dilakukan. Ruang tersebut dapat digunakan untuk meningkatkan aktiviti yang dilaksanakan.



Mengukur keluasan
(lebar) bilik



Mengukur keluasan (panjang)
bilik



Mengambil tandatangan
untuk pengesahan data

Gambar 5 : Kerja – kerja pengumpulan data

Mengukur ketinggian
bilik

5.4.4 Mudah Digunakan (*User-Friendly*)

Setelah sebuah inventori data yang lengkap diperolehi, maka pegawai pembangunan di sesebuah insititusi tersebut hanya perlu membuat penambahan data sekiranya terdapatnya ruang yang baru. Maklumat ruang yang ada dapat digunakan dengan mudah untuk membuat perancangan penggunaan ruang.

5.5 Signifikan

5.5.1 Impak kepada Perkhidmatan Awam, Organisasi dan Bahagian / Seksyen / Unit

Pada masa ini nilai aset kerajaan dianggarkan mencecah puluhan billion ringgit dan tidak wujudnya satu pangkalan data lengkap mengenai penggunaan ruang aset-aset tersebut. Jika audit ruang ini diimplimentasikan di sektor awam, banyak penjimatan dapat dilakukan dari segi kos, perancangan sumber dan pembangunan, penjadualan penggunaan ruang dan penyediaan ruang mengikut permintaan yang diperlukan.

6.0 KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

6.1 Kewangan

Sumber kewangan untuk inovasi rintis audit ruang yang dilaksanakan ditiga buah universiti diperolehi daripada dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) kementerian ini. Apabila inovasi ini diperluaskan untuk dilaksanakan di seluruh Kementerian, peruntukan tetap di bawah perbelanjaan mengurus akan diperlukan.

6.2 Pengurusan Sumber Manusia

Di peringkat permulaan bagi mendapatkan data kesemua ruang yang sedia ada, kepakaran daripada perunding diperlukan. Setelah data diperolehi, data ruang tersebut akan dikekalkan dan dikemaskini oleh institusi masing-masing.

6.3 Insentif

Inovasi Audit Ruang ini akan mempermudah urusan pemantauan penggunaan ruang. Pelaksanaan audit ruang akan membolehkan ruang sedia ada digunakan secara optimum dan maksimum. Perancangan yang lebih efektif juga dapat dilaksanakan bagi permohonan projek pembangunan yang baru.

6.4 Penghargaan

Pengamalan audit ruang akan membawa kepada tatacara pengurusan pembangunan yang lebih efisien dan secara langsung membawa kepada pengurusan kewangan yang lebih bertanggungjawab.

6.5 Peralatan

Semuaperalatan bagipelaksanaan inovasi pada peringkat permulaan akandisewa. Ini adalah kerana semua peralatan yang diperlukan akan digunakan oleh perunding. Setelah satu prosedur dan proses audit ruang yang tetap dilaksanakan, maka setiap insitisi akandisarankan untuk membeli semua peralatan yang diperlukan.

7.0 PENUTUP

Inovasi Audit Ruang ini merupakan satu pendekatan baru yang harus digunakan di dalam pengurusan ruang sesebuah organisasi. Bahagian Pembangunan telah memulakan inisiatif untuk melaksanakan inovasi ini secara berfasa pada peringkat percubaan di IPTA yang terpilih dengan perancangan agar inovasi Audit Ruang ini dapat dikembangkan pelaksanaannya di semua IPTA tempatan.

Cadangan Kapasiti Kampus Mengikut Ruang Pembelajaran

Lokasi : Nibong Tebal, Pulau Pinang
Kampus: Kejuruteraan, USM

Mengikut Bilangan Ruang (Anggaran)**Jumlah Pelajar Semasa:**

Jumlah pelajar semasa :	Ijazah	Ijazah Tinggi	Jumlah
	2093	810	2903

Pencapaian Semasa 43%

Anggaran pecahan mengikut jenis ruang, muatan dan keluasan**Jadual 1**

Bil	Jenis Ruang	Jumlah Ruang	Jumlah keluasan Lantai	Muatan	Purata Muatan Ruang
1	Bilik Tutorial	43	3612.99	2704	63
2	Dewan Kuliah	10	4172.58	4140	414
3	Bilik Post-Grad	47	3517.52	556	12
4	Makmal / Bengkel	165	23932.67	3054	19
Jumlah		265	35236	10454	
5	Bilik lain (makmal)	274	4347.30	308	1
6	Bilik Pensyarah	329	4615.49	329	1
7	Pentadbiran	384	5111.49	1092	3
8	Lain-lain	60	1726.10	753	13
Jumlah		1047	15800	2482	
Jumlah Keseluruhan		1312	51086	12936	

Ringkasan analisa ruang pembelajaran**Jadual 2**

Bil	Jenis Ruang	Jumlah Ruang	Purata Muatan Ruang	Jumlah
1	Bilik Tutorial	43	63	2704
2	Dewan Kuliah	10	414	4140
3	Bilik Post-Grad	47	12	556
4	Makmal / Bengkel	165	19	3054
Jumlah		265	507	10454

Rajah 1 : Format laporan keseluruhan Audit Ruang

Nama Bangunan	Arahan	No Bilik	Nama Asal (R/B)	Nama Ruang Semasa	Pengguna	Kursus	Perubahan Ruang	Binaan	Bil. Ruang	Rebahan	Kapasiti R/b	Kapasiti Bilik	Cagangan Kapasiti	Keluasan Anggaran (MPS)				Tinggi (m)	Perabut	Status	KONDISI			Sistem pencahayaan	Sistem pengudaraan	Nama pemertua	Tarikh	Masa	Pengesahan		Catatan		
														Pg (m)	Lbr (m)	Luas (mp)	a				b	c	K						U	I		T1	U3M
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemah	2 (1)	1.14	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	1	E1	1	1	1	6.13	3.10	19.00			19.00	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	Renovation
		1.24	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	2	E2	1	1	1	4.36	4.00	17.44			17.44	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	
		1.15	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	3	E1	1	1	1	6.13	3.10	19.00			19.00	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	
		1.16	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	4	E1	1	1	1	6.13	3.10	19.00			19.00	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	
		1.17	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	5	E1	1	1	1	6.13	3.10	19.00			19.00	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	
		1.21	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	6	E1	1	1	1	4.36	4.00	17.44			17.44	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	
		1.22	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	7	E1	1	1	1	4.36	4.00	17.44			17.44	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	
		1.23	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	8	E1	1	1	1	4.36	4.00	17.44			17.44	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	
		1.02	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	9	E1	1	1	1	3.22	3.17	10.07			10.07	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1200	1	2	
		1.03	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	10	E1	1	1	1	3.05	3.16	10.79			10.79	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1200	1	2	
		1.05	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	11	E1	1	1	1	3.1	3.13	10.00			10.00	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1200	1	2	
		1.28	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	12	E1	1	1	1	3.13	4.35	13.62			13.62	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1200	1	2	
		1.29	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	13	E1	1	1	1	3.13	4.33	13.55			13.55	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1200	1	2	
		1.30	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	14	E1	1	1	1	3.09	4.33	13.38			13.38	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1200	1	2	
1.31	Bik Guru	Sama	Guru	PPBLT	0	1	15	E1	1	1	1	3.17	4.32	13.69			13.69	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1200	1	2			
		JUMLAH						15	120	0	18.4	15	15			257.67			257.67														

Nama Bangunan	Arahan	No Bilik	Nama Asal (RB)	Nama Ruang Semasa	Pengguna	Kursus	Perubahan Ruang	Binaan	Bil. Ruang	Rebahan	Kapasiti R/b	Kapasiti Bilik	Cagangan Kapasiti	Keluasan Anggaran (MPS)				Tinggi (m)	Perabut	Status	KONDISI			Sistem pencahayaan	Sistem pengudaraan	Nama pemertua	Tarikh	Masa	Pengesahan		Catatan			
														Pg (m)	Lbr (m)	Luas (mp)	a				b	c	K						U	I		T1	U3M	Jwh
Pusat Pengajian Bahasa Literasi & Terjemah	2 (1)		Ruang Pejabat Am	Sama	Staff	PPBLT	0	1	1	E1	6.2	5	6	55.8	1	55.8			55.8	2.75	√	A	2	2	4	C1	U4	MH	28/7/2011	1100	1	3		
			Kaunter Pertanyaan	Sama	Staff	PPBLT	0	1	2	E1				3.2	5.41	17.31			17.3	2.75	√	A	2	2	4	C1	U4	MH	28/7/2011	1100	1	3		
			Bik Penolong Pendaftar	Pengerusi Rencas	Staff	PPBLT	0	1	3	E1		1.03	1	1	3.65	3.94	14.28			14.4	2.75	√	A	2	2	4	C1	U1,U4	MH	28/7/2011	1100	1	3	
			Bik Dekan	Sama	Staff	PPBLT	0	1	4	E1		0.87	1	1	3.62	3.03	13.86			13.9	2.75	√	X	2	2	4	C1	U1,U4	MH	28/7/2011	1100	1	3	
			Bik Kebal	Sama	Staff	PPBLT	0	1	5	E1		1.06	1	1	3.7	4.02	14.87			14.9	2.75	√	A	2	2	4	C1	U1,U4	MH	28/7/2011	1100	1	3	
			Bik Perundingan	meeting	Staff	PPBLT	0	1	6	E1		25	24	25	6.15	7.75	47.45			47.5	2.75	√	A	2	2	4	C1	U4	MH	28/7/2011	1100	1	3	
			Bik Cetak & Stor	Sama	Staff	PPBLT	0	1	7	E1					5.67	3.99	22.62			22.6	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	
		Jumlah						9	7		34.1	32.0	34.0			186.3			186.5															

Name Bangunan	Arahan	No Bilik	Name Asal (R/B)	Nama Ruang Semasa	Pengguna	Kursus	Perubahan Ruang	Binaan	Bil. Ruang	Rebahan	Kapasiti R/b	Kapasiti Bilik	Cagangan Kapasiti	Keluasan Anggaran (MPS)				Tinggi (m)	Perabut	Status	KONDISI			Sistem pencahayaan	Sistem pengudaraan	Nama pemertua	Tarikh	Masa	Pengesahan		Catatan		
														Pg (m)	Lbr (m)	Luas (mp)	a				b	c	K						U	I		T1	U3M
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan	2 (1)	1.19	Bik Sembahyang	Sama	Staff	PPBLT	0	1	1	E1		6		4.34	3.95	16.71			16.71	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1100	1	3	
		1.20	Rehal & Perbincangan	Sama	Staff	PPBLT	1	1	2	E1		7		4.36	4.00	17.44			17.44	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1200	1	3	
		1.27	Suru Lelaki	Sama	Staff	PPBLT	0	1	3	E1		5		3.93	3.04	11.95			11.95	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	MH	28/7/2011	1200	1	3	Ruang Solat
		1.04	Bik Guru	Stor	PPBLT	0	1	4	E1		1		1	3.1	6.37	19.13			19.13	2.75	√	A	2	2	4	C1	U5	WD	28/7/2011	1200	1	3	
		1.01	Bik Guru	Stor	PPBLT	0	1	4	E1		1		1	3.13	6.16	19.28			19.28	2.75	√	A	2	2	4	C1	U6	WD	28/7/2011	1200	1	2	Dynden Stor (Barang Bik)
		JUMLAH						1	6				1.33	2.99	3.44			3.44	2.75	√	A	2	2	4	C1	U5	WD	28/7/2011	1200	1	3	Ruang Wuduk	

Petunjuk :

Kod Pengesahan	:1= Penolong Pendaftar 2= Pegawai Kursus 3= Staf Kursus
Peralatan	: E1 = Equip (lengkap) . E2 = Meja dan Kerusi, E3 = Flip chair, E4 = Meja , E5 = Kerusi
Kondisi	: 1 = Sangat Baik, 2 = Baik, 3 = Sederhana , 4 = Lemah , 5 = Sangat Lemah
Sistem pencahayaan	: C1 = Fluorescent Lamp , C2 = Incedecent Lamp , C3= Down Light , C4=Sport Light
Sistem pengudaraan	: U1= Centralize , U2= Centralize with Control , U3=V/RV , U4= Split Unit , U5=Split Unit with Multiple , U6= Window Unit, U7=Portable Aircond
	: U4(Split Unit) ; A=Wall type, B=Calling type, C=Cassett type, D=Floor type
	Kipas; K= Kipas, K1= Ceiling, K2= Wall, K3= Ceiling with Light
Status	: A = Aktif, X= Tidak aktif, R = Renovation, 0= Tidak dapat dikenalpasti

Rajah 2 :Format laporan terperinci Audit Ruang